

27/05/2005

Langkawi-Penguin (Laporan Khas)

PENGUIN SERIKAN LAGI TARIKAN UNDERWATER WORLD LANGKAWI

LANGKAWI, 27 Mei (Bernama) -- Pulau Langkawi yang sudah terpahat di mata dunia sebagai destinasi pelancongan yang cantik menawarkan satu lagi daya tarikan iaitu penguin - satu spesies dari jenis burung yang sangat menarik mesti dilihat oleh setiap orang.

Mulai esok Underwater World Langkawi akan membuka secara rasmi kompleks baru yang menempatkan ruangan pameran penguin, di mana pengunjung boleh melihat telatah menarik haiwan berkenaan yang selama ini hanya dapat ditonton di kaca tv.

Pengurus Besar Underwater World Langkawi Sdn Bhd Tanzil Md Noor berkata penonton dapat melihat 32 ekor penguin dari dua jenis iaitu 20 ekor dari jenis rockhopper dan 12 ekor dari jenis blackfooted.

Katanya rockhopper, sesuai dengan tabiatnya suka melompat dari batu ke batu, ditempatkan dalam sebuah tangki yang mempunyai batu dan air dengan suhu dikekalkan pada kadar 8 darjah selsius sementara blackfooted pula akan bebas berenang dalam sebuah tangki dengan suhu 20 darjah selsius di mana pengunjung dapat melihatnya beraksi dengan melalui sebuah terowong.

Dalam temubual dengan Bernama, sempena perasmian kompleks itu oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, Tanzil yakin penguin akan menjadi tarikan utama di kompleks berkenaan.

"Sudah pasti ramai yang mahu melihat haiwan itu dari dekat, ramai tertanya bagaimana rupanya, bagaimana ia beraksi, dan pelbagai lagi soalan...jadi kami memberi peluang terbaik kepada orang ramai menyaksikan spesies berkenaan," katanya.

Menerangkan lebih lanjut, Tanzil berkata jenis rockhopper itu telah dibawa masuk sejak tahun lepas bagi proses penyesuaian dengan keadaan tempatan serta proses pendedahan kepada pekerja tempatan mengenai kaedah menjaga haiwan itu.

Katanya jenis itu, yang mempunyai nama saintifik Eudyptes Chrysocome, berusia 2 dan 3 tahun dengan berat setiap seekor kira-kira 2.7 kg sementara jangka hayat adalah 10 hingga 15 tahun.

Makanannya ikan kembung, selayang dan sotong yang diberi dua kali sehari.

Sementara jenis blackfooted, dari Amerika Selatan, akan tiba hari ini sebanyak 12 ekor dan akan terus ditempatkan di ruang pameran.

"Sebanyak 18 ekor lagi dari jenis blackfooted akan tiba pada hujung bulan depan, menjadikan keseluruhannya 50 ekor," katanya.

Harga setiap seekor penguin amat mahal, menyamai harga sebuah kereta Perodua Kancil iaitu melebihi RM26,000 setiap seekor.

Beliau berkata selain aspek komersil, usaha mewujudkan ruangan penguin itu juga bertujuan membolehkan pelbagai pihak menjalankan penyelidikan mengenai haiwan itu.

Katanya beberapa universiti tempatan berminat untuk menjalankan kajian mengenai haiwan berkenaan termasuk penguin di kompleks itu.

Tanzil berkata, projek penguin itu telah bermula sejak 2003 lagi, dan ideanya sudah tentu datang dari seorang yang mempunyai hubungan yang sangat akrab dengan pembangunan Langkawi iaitu Dr Mahathir.

"Idea datang selepas Dr.Mahathir pulang dari melawat Antartika dan kami berpendapat boleh menjadikan idea itu satu kenyataan. Dengan pelaburan lebih RM30 juta, kami mula merancang projek membina kompleks baru ini seluas 60,000 kaki persegi yang bakal menjadi rumah kepada hidupan tiga ekosistem iaitu dari iklim tropika, sederhana dan sejuk," katanya.

Beliau berkata ekosistem sederhana dan sejuk adalah untuk menempatkan penguin sementara ekosistem tropika menempatkan ular besar anaconda dari Amazon, ikan air tawar terbesar iaitu arapaima, spesies tikus terbesar iaitu capybara dan marmoset, spesies monyet terkecil.

Penonton juga dapat menyaksikan hidupan laut menerusi tayangan gambar selama tujuh minit menggunakan sistem 3-dimensi (3D) dalam panggung yang mampu menampung 200 penonton pada satu-satu masa.

Underwater World Langkawi yang dibuka secara rasmi pada Mac 1996, adalah sebuah tempat pameran hidupan laut yang besar dengan mempamerkan lebih 500 spesies dalam lebih 100 tangki.

Setelah melabur begitu besar dalam projek berkenaan, Underwater World perlu menaikkan kadar bayaran masuk mulai 29 Mei ini dari RM18 sekarang ke RM28.

-- BERNAMA

MZM RS